

# PEMINDAHAN BUAH PINGGANG



NATIONAL KIDNEY  
FOUNDATION OF MALAYSIA

## Bagaimanakah Buah Pinggang Berfungsi?

- Mengeluarkan bahan kotoran serta air yang berlebihan daripada darah.
- Sebagai penapis darah, iaitu dengan mengekalkan bahan yang diperlukan oleh tubuh serta membuang sisa buangan yang tidak diperlukan.
- Membantu mengimbangkan tekanan darah, kitaran sel darah merah serta keseimbangan kimia di dalam badan kita.
- Menghasilkan Vitamin D aktif untuk kesihatan tulang.



## Kegagalan Buah Pinggang

- Apabila buah pinggang anda tidak berfungsi, sisa buangan yang berbahaya akan terkumpul di dalam tubuh badan, tekanan darah akan naik, badan anda tidak dapat mengeluarkan air yang berlebihan serta menghasilkan sel darah merah yang mencukupi.
- Jika kerosakkan kepada buah pinggang menjadi begitu ketara, ianya akan hilang kebolehan untuk berfungsi dengan sempurna dan ini dikenali sebagai "Kegagalan Buah Pinggang".

- Apabila anda mengalami kegagalan buah pinggang, anda perlu mendapatkan rawatan seperti dialisis atau pemindahan buah pinggang untuk mengganti fungsi buah pinggang anda.

### Pemindahan Buah Pinggang

- Pemindahan buah pinggang merupakan pemindahan buah pinggang yang sihat dari penderma kepada pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang.
- Buah pinggang yang dipindahkan ini akan mengambil alih fungsi buah pinggang yang rosak.
- Anda boleh hidup secara normal dengan satu buah pinggang sekiranya ia dapat berfungsi dengan sempurna.
- Pemindahan ini adalah sejenis pembedahan di mana pakar bedah akan meletakkan buah pinggang baru kedalam abdomen penerima dan menyambungkannya kepada arteri yang menyalurkan darah kepada buah pinggang penderma dan juga kepada vena (pembuluh darah) yang menyalurkan darah daripada buah pinggang.
- Buah pinggang juga disambungkan kepada ureter (saluran kencing) yang membawa air kencing dari buah pinggang ke pundi kencing.



### Kebaikan Pemindahan Buah Pinggang

- Memperbaiki gaya hidup agar lebih baik dan berkualiti.
- Tidak memerlukan dialisis.
- Kurang penyekatan dalam pemakanan dan pengambilan cecair.
- Kurang kekerapan ke hospital selepas beberapa bulan yang pertama.

### Keburukan Pemindahan Buah Pinggang

- Risiko rejeksi buah pinggang baru.
- Ubat-ubatan sepanjang hayat.
- Kesan sampingan ubat-ubatan yang diambil.



### Penjagaan Selepas Pemindahan

- Sistem pertahanan badan ditugaskan untuk mengelak daripada penyakit dengan mengenali dan menentang sel-sel penceroboh asing seperti bakteria. Tetapi sistem pertahanan ini juga akan mengenalpasti buah pinggang yang baru sebagai satu benda asing.

- Untuk mengelakkan badan daripada menolak buah pinggang baru ini, anda perlu mengambil ubatan yang akan menyekat serta mengurangkan tindakbalas sistem pertahanan badan.
- Anda mungkin perlu mengambil sekurang-kurangnya dua atau lebih jenis ubatan penindas sistem pertahanan serta ubatan lain bagi merawat masalah kesihatan yang lain,

### Kesan Sampingan Ubatan Penindasan Pertahanan(*Immunosuppressant*)

- Boleh melemahkan sistem pertahanan badan yang boleh mengakibatkan jangkitan, terutamanya pada beberapa bulan yang pertama selepas pemindahan,
- Dalam jangka masa yang panjang, ia mungkin berisiko tinggi untuk menyebabkan penyakit barah yang tertentu,
- Beberapa jenis ubatan ini mungkin boleh menyukarkan kawalan penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit tulang, namun ianya boleh diatasi.

### Jenis-jenis Penderma Buah Pinggang

- Penderma hidup yang ada pertalian darah
  - Ahli keluarga
- Penderma hidup yang ada pertalian emosi
  - Suami/ Isteri

- Penderma kadeverik
  - Pendermaan selepas mati



Ini adalah khidmat masyarakat disediakan oleh Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia. Semua maklumat adalah untuk tujuan pendidikan sahaja. Sila rujuk kepada doktor anda untuk maklumat lanjut.

NATIONAL KIDNEY FOUNDATION OF MALAYSIA  
 70, Jalan 14/29, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
 Tel:603-7954 9048 Hotline:1-300-88-3110  
 Email:edu@nkf.org.my Website:www.nkf.org.my